

**UCAPAN PERASMIAN OLEH
YAB DATUK PATINGGI (DR) ABANG HAJI ABDUL RAHMAN ZOHARI
BIN TUN DATUK ABANG HAJI OPENG
KETUA MENTERI SARAWAK**

**DI MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI ALAM SEKITAR NEGARA
PERINGKAT NEGERI SARAWAK 2019**

**PADA 11 NOVEMBER (ISNIN)
DI DEWAN SANTAPAN, DEWAN UNDANGAN NEGERI SARAWAK**

(Salutations)

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam Ibu Pertiwiku

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wa Ta'ala kerana dengan izinNya jua kita dapat berkumpul pada tengahari ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak penganjur kerana menjemput saya untuk menyempurnakan perasmian Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2019.
2. Hari Alam Sekitar Negara disambut di seluruh Malaysia untuk menerapkan elemen harga alam sekitar dalam masyarakat kita dengan impak yang lebih tinggi dan berkesan. Hari Alam Sekitar Negara (HASN) yang bertemakan "**Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama**" amat bertepatan dengan matlamat Kerajaan untuk tidak meletakkan tanggungjawab memulihara alam sekitar kepada Kerajaan semata-mata, malahan juga kepada semua lapisan masyarakat kerana alam sekitar ini adalah sesuatu yang kita kongsi bersama. Kita harus berasa bertuah hidup di negara ini kerana Kerajaan sangat prihatin terhadap soal-soal

menjaga kebersihan dan mengekalkan alam sekitar serta sentiasa peka kepada masalah pencemaran. Oleh itu, Hari Alam Sekitar Negara (HASN) merupakan hari yang penting untuk menyampaikan mesej kepada rakyat supaya bersama-sama berusaha mencegah pencemaran alam sekitar dan menggalakkan orang ramai supaya mengekalkan alam sekitar yang bersih dan udara yang nyaman.

Yang Berhormat, Tan Sri, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

3. Pada tahun 1993, Kerajaan Sarawak telah menggubal perundangan yang dinamakan Ordinan Sumber Asli dan Alam Sekitar. Ordinan ini merupakan polisi utama yang digunakan untuk tujuan perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli di Sarawak, berdasarkan prinsip pembangunan mapan.
4. Visi kita adalah untuk menjaga dan meningkatkan kualiti alam sekitar Sarawak, ke arah Sarawak Yang Bersih, Hijau dan Sihat (*A Clean, Green and Healthy Sarawak*), sejajar dengan langkah untuk membangunkan Sarawak sebagai "Negeri Maju" menjelang 2030.
5. Kita telah melihat kesan akibat dari pembangunan yang tidak teratur kerana hanya menekankan faktor keuntungan semata-mata. Perlu kita sedari, usaha untuk menjadi sebuah negeri maju tidak akan tercapai atau diiktiraf jika apa yang boleh kita perhatikan adalah bangunan dan infrastuktur moden, tetapi sungai-sungai kita dipenuhi sampah-sarap dan udara kita hirup (sedut) teruk tercemar.

6. Dengan kata lain, Sarawak hanya akan berjaya menjadi sebuah negeri maju menjelang 2030 apabila kita berupaya memastikan pembangunan fizikal seiring dengan pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan sumber asli.

7. Oleh yang demikian, saya menyarankan agar pemain-pemain industri di Sarawak untuk meneroka dan menggunakan lebih banyak teknologi hijau dan Internet of Thing (IoT) agar operasi mereka bersifat mesra alam. Bagi pembangunan berskala besar seperti projek empangan hidroelektrik dan *Medium and Large Enterprises*, mereka perlu mempunyai sistem pemantauan yang berterusan (*continuous monitoring system*) sama ada untuk memantau kualiti air atau udara. Kerajaan negeri juga telah menetapkan had pelepasan pencemar BOD₅ (Keperluan Oksigen Biokimia) bagi Efluen Kilang Minyak Sawit (POME) pada tahap 20 ppm (Piawaian A) bermula 1 Januari 2020.

Yang Berhormat, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

8. Malaysia telah memeterai Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*) di Perhimpunan Agung ke-70 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 22 September 2015 dan kerajaan komited menyokong sepenuhnya agenda tersebut. Agenda Pembangunan Lestari 2015 ini menetapkan 17 matlamat dengan 169 sasaran dan hampir 300 indikator yang diterimapakai oleh 193 negara anggota sebagai pelan pembangunan agenda 2030, iaitu usaha kerjasama sedunia untuk membangunkan masyarakat sejangat secara lestari dalam tempoh lima

belas tahun akan datang. Perlindungan alam sekitar, pengagihan ekuiti kemakmuran yang lebih seimbang dan kesejahteraan sosial adalah antara fokus agenda yang menjadi pewaris kepada matlamat pembangunan milenium [Millennium Development Goals (MDGs)] sebelum ini. Ini merupakan Cabaran besar menanti Negara sebelum semua matlamat dapat dilaksanakan dalam pelbagai peringkat agensi dan jabatan kerajaan di seluruh negara ke arah pembangunan komprehensif yang lestari. Agenda Global 2030 ini sangat mustahak untuk difahami dengan baik oleh semua lapisan masyarakat bahawa kita perlu sentiasa menghargai dan menitikberatkan alam sekitar di dalam setiap perancangan pembangunan dan ekonomi negara.

9. Kerajaan juga amat komited dan meletakkan sasaran mengurangkan pelepasan gas rumah hijau (*greenhouse gas - GHG*) sehingga 45% intensiti karbon berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (***GHG emission intensity of GDP***) menjelang tahun 2030 berbanding paras tahun 2005. Ini adalah sebagai sumbangan Negara di peringkat global dalam menangani isu perubahan iklim dan ianya tertakluk kepada pembangunan teknologi, penyediaan kewangan yang mencukupi serta peningkatan kapasiti. Kita sebagai rakyat secara tidak langsung boleh membantu mengurangkan kesan perubahan iklim dengan mengamalkan gaya hidup lestari seperti penggunaan alat elektrik yang efisien, mengurangkan pembaziran air, mengurangkan penjanaan buangan menerusi konsep 4R iaitu *recovery, recycling, reuse and reduction*, penggunaan kenderaan awam, elak pembakaran terbuka, *car pooling* dan lain-lain. Gaya hidup lestari ini adalah suatu yang boleh dilakukan oleh semua lapisan masyarakat untuk menjadi *Low Carbon Society*.

Yang Berhormat, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

10. Bagi meningkatkan pematuhan alam sekitar di Sarawak dan menggalakkan "environmental stewardship", kerajaan telah menggubal Natural Resources and Environment (Audit) Rules, 2008. Audit Alam Sekitar (Environmental Compliance Audit – ECA) ini merupakan satu inisiatif agar pemain industri di Sarawak mengamalkan pematuhan sendiri (self-regulation) serta untuk menghadapi keperluan bagi memenuhi Piawaian Antarabangsa.
11. Setakat ini, sebanyak lapan (8) syarikat pembalakan di Sarawak telah melaksanakan ECA, manakala enam (6) syarikat pembalakan yang lain masih dalam fasa melaksanakan projek perintis ECA. ECA ini nanti akan diwajibkan ke atas industri pembalakan di Sarawak.
12. Dari segi pematuhan alam sekitar, saya gembira dengan perkembangan pelaksanaan ECA ini ke atas industri pembalakan, dan dengan itu, saya menyarankan agar ECA ini diwajibkan juga ke atas pemaju-pemaju ladang kelapa sawit.

Yang Berhormat, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

13. Pencemaran plastik merupakan masalah global yang perlu diuruskan secara mapan. Masalah alam sekitar berkaitan sisa plastik telah menjadi masalah utama di Malaysia di mana negara ini telah diberikan kedudukan ke 8 di antara 10 negara yang mempunyai pengurusan sisa plastik yang

tidak terurus di dunia. Saya bersyukur kerana kita tidak menyumbang terhadap pengurusan plastik yang teruk ini kerana dari awal-awal lagi, Sarawak tidak membenarkan import bahan berasaskan plastik untuk dikitar semula di sini.

14. Lebih dari 60 negara telah memperkenalkan langkah-langkah untuk menangani sisa *single-use plastics* sebagai contohnya mengenakan larangan dan cukai. Ada Negara yang telah mengharamkan penggunaan *single-use plastics* tetapi merujuk kepada laporan oleh *UNEP-United Nation Environmental Programme*, tindakan tersebut tidak efektif dalam menangani masalah pencemaran sisa plastik. Menurut laporan tersebut juga, beberapa negara mengambil langkah menghentikan penggunaan *single-use plastics* secara berkala. Sebagai contoh, India merancang menghentikan penggunaan *single-use plastics* pada tahun 2022. Manakala Taiwan dan Kesatuan Eropah (European Union) merancang menghentikan penggunaan *single-use plastics* pada tahun 2030.
15. Malaysia sentiasa menggalakkan pembangunan mapan dengan menyeimbangkan pembangunan ekonomi dengan perlindungan alam sekitar sejajar dengan hala tuju UNEP (United Nation's Sustainable Development Goals). Oleh itu, saya ingin menyeru agar semua hadirin sekalian supaya mengambil inisiatif untuk mula memainkan tanggungjawab masing-masing dan lebih komited dalam menjaga dan memelihara alam sekitar di Negeri Sarawak. Mulakannya dengan amalan kita sendiri. Antara usaha yang boleh diambil bagi menangani masalah pencemaran plastik sekali guna adalah membawa beg sendiri apabila membeli-belah, mengurangkan atau menghentikan penggunaan botol plastik sekali guna, pembungkus makanan plastik/ beg plastik dan straw

plastik dan menggantikan dengan produk serta bahan yang lebih mesra alam. Walau pun beberapa pasaraya telah melaksana "no plastic bag" pada hari tertentu, saya ingin menyeru agar Pihak Berkuasa Tempatan di Sarawak menggiatkan lagi kempen agar lebih banyak pasaraya mengadakan hari "no plastic day" dan pengharaman polisterina untuk membungkus makanan.

16. Kebakaran hutan yang berlaku baru-baru ini di Sumatera dan Kalimantan, Indonesia telah menyebabkan jerebu merentas sempadan dan memberi kesan kepada peningkatan bacaan IPU di semua kawasan di Semenanjung Malaysia, Sarawak dan bahagian Barat Sabah. Orang ramai diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka atau membiarkan tanah atau premis kepunyaan mereka dimasuki atau dicerobohi oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab sehingga menyebabkan pembakaran terbuka untuk tujuan tertentu secara sengaja atau dengan tidak sengaja. Selain itu, berkongsilah kenderaan atau gunakan pengangkutan awam untuk mengurangkan pelepasan asap ke udara.

Yang Berhormat, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

17. Kejayaan memulihara alam sekitar memerlukan kerjasama sepadu daripada setiap lapisan masyarakat. Justeru, adalah menjadi harapan saya supaya tumpuan berterusan diberi kepada usaha meningkatkan lagi kesedaran dan komitmen masyarakat bagi mencapai hasrat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Sarawak sebuah negeri yang berteraskan pembangunan lestari atau "*sustainable development*", lebih-lebih lagi di kalangan generasi muda yang menjadi pewaris alam sekitar negara.

18. Setiap lapisan masyarakat perlu berganding bahu dan membentuk *synergy* untuk melindungi alam sekitar. Lanjutan itu saya berharap dan menggalakkan tuan-tuan dan puan-puan terlibat lebih proaktif dalam program komuniti tempatan seperti Rakan Alam Sekitar (RAS), MoU-Rakan Strategik Alam Sekitar dan Pasukan Pemantau Pencemaran yang akan bertindak sebagai mata dan telinga membantu dan memudahkan agensi-agensi berwajib memantau aktiviti pencemaran dan menguruskan sumber asli negara dengan lebih cekap.

Yang Berhormat, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

19. Di negeri Sarawak, NREB mengambil pendekatan yang lebih spesifik terhadap rakan strategik yang terdiri dari sektor korporat dan swasta. Syarikat-syarikat ini telah menjadikan sekolah-sekolah yang mempunyai Kelab Pencinta Alam Sekitar (atau Kelab PALS) di kawasan operasi mereka sebagai sekolah angkat.
20. Kelab PALS merupakan satu program pendidikan alam sekitar yang diperkenalkan untuk sekolah-sekolah di negeri Sarawak yang menasarkankan golongan pelajar supaya menjadi individu yang bijak dalam menangani isu alam sekitar serta membudayakan amalan hijau. Pelaksanaan aktiviti alam sekitar oleh ahli Kelab PALS ini diadakan semasa aktiviti kokurikulum. Dengan pendekatan sebegini, maka aktiviti alam sekitar dijalankan sepanjang tahun dan di seluruh negeri Sarawak.

21. Oleh yang demikian, saya amat menghargai komitmen 14 buah syarikat yang telah menyalurkan dana setiap tahun kepada 36 buah sekolah angkat mereka bagi melaksanakan projek atau program alam sekitar. Bagi syarikat-syarikat lain di Sarawak yang belum lagi berbuat demikian, saya menyarankan anda mengambil inisiatif yang sama untuk mengangkat sekolah-sekolah yang mempunyai Kelab PALS.
22. Oleh kerana kepentingan alam sekitar kepada kita semua dan makhluk lain yang sama-sama mendiami dunia ini, saya juga ingin menyarankan agar ahli-ahli Yang Berhormat untuk berbuat perkara yang sama, iaitu mengambil sekolah Kelab PALS di kawasan masing-masing sebagai sekolah angkat Yang Berhormat.

Yang Berhormat, Datuk Amar, Datu/Dato, Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

23. Sebelum mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2019.
24. Dengan ini, sukacita saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirahim merasmikan Hari Alam Sekitar Negara Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2019.

Sekian, wabillahi taufiq walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.